

CIRI MODEN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Negara kita membentuk sistem Kerajaan Persekutuan.
- Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberikan kuasa dalam bidang tertentu.
- Apabila Malaysia ditubuhkan, Sarawak dan Sabah diberikan beberapa autonomi.

SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN



- Perlembagaan negara memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia.
- Pilihan raya umum yang pertama diadakan pada tahun 1955 menjadi asas kepada demokrasi.
- Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin tempatan dan menubuhkan kerajaan.
- Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan bagi memastikan pilihan raya dapat dijalankan dengan adil.
- Suruhanjaya ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya.
- Pilihan Raya Persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan.
- Pilihan Raya Negeri memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri.



KEWARGANEGARAAN

- Kewarganegaraan Persekutuan diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
- Sebelum itu, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara.
- Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan penduduk mendapat kerakyatan British jika dilahirkan di Melaka atau Pulau Pinang.
- Kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya.



Perlembagaan Persekutuan mempunyai keunikan kerana mengandungi ciri tradisional dan moden. Undang-undang yang terkandung dalam perlembagaan negara bertujuan agar rakyat mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.